

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
CREATIVE CORNER KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR

ZADILA BINTI ABU BAKAR

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

100045104 Kole

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 58 FPE 3 2006



1100045104

Laporan akhir latihan industri di Creative Corner Kuantan,
Pahang / Zadila Abu Bakar.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045104

Lihat sebelah



Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya _____

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama :

Tarikh :

Disahkan Oleh :


.....
KATIJAH OMAR
Lecturer

Penyelia KUSTEM
Kolej Universiti Sains &
Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
Kuala Terengganu
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

1100045104

PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Saya (pelatih) yang bernama Zadila binti Abu Bakar dengan no. kad pengenalan 851007-06-5022 dan no. matrik UK 10151 telah menjalani Latihan Industri di Creative Corner cawangan Kuantan (CCK). Pelatih telah menjalani latihan industri di sini selama 3 bulan bermula pada tarikh pelatih melapor diri iaitu pada 17 April 2006 sehingga 8 Julai 2006.

Pelatih dari jurusan Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran telah ditempatkan di bahagian Pemasaran dan juga pada masa-masa tertentu pelatih ditugaskan di bahagian Operasi syarikat. Di setiap bahagian, pelatih dapat mempraktikkan sedikit sebanyak ilmu yang telah dipelajari semasa kuliah disamping dapat menimba pengalaman baru sebagai salah seorang kakitangan syarikat.

Sepanjang tempoh latihan, pelatih telah dibantu dan diberi tunjuk ajar oleh kesemua staf yang bertugas di Creative Corner Kuantan disamping bimbingan yang diberikan oleh penyelia di syarikat tersebut. Kerjasama baik yang wujud antara pelatih dan staf menjadikan suasana kerja lebih harmoni dan segala aktiviti serta tugas pelatih dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Untuk penyediaan Laporan Latihan Industri ini, pelatih membuat perbincangan bersama penyelia untuk memastikan setiap maklumat yang diberikan adalah tepat dan dapat memberikan sedikit pengetahuan untuk dikongsi bersama warga KUSTEM. Semoga setiap pengalaman yang dikutip sepanjang tempoh latihan akan memberi manfaat kepada setiap individu dan diharap laporan ini melengkapi komponen kursus teras bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran. Sekian.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Illahi, dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menjalani Latihan Industri dengan jayanya. Dengan keberkatan-Nya juga, akhirnya dapat saya selesaikan tugas yang telah diamanahkan untuk membuat Laporan Latihan Industri. Kejayaan ini juga turut dibantu oleh semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada tenaga kerja dari Creative Corner Kuantan kerana kesudian menerima kehadiran saya untuk menjalani Latihan Industri di sana. Pelbagai pengalaman dan pembelajaran saya perolehi untuk dihimpunkan serta diaplikasikan dalam pengajian saya di Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM). Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Pengurus Syarikat iaitu Puan Zahurim binti Abu Bakar atas jasa dan bimbingan beliau kepada saya. Juga tidak dilupakan kepada penyelia industri saya iaitu Puan Khatijah binti Omar atas keprihatinan dan tunjuk ajar yang beliau curahkan kepada saya. Segala bantuan dan bimbingan yang diberikan amatlah dihargai.

Kepada kedua ibu bapa yang tercinta, pengorbanan dan galakan yang diberikan tidak akan dilupakan dan memberi perangsang kepada saya untuk terus memajukan diri demi mencapai kejayaan. Kepada pensyarah-pensyarah

KUSTEM sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak, terima kasih atas segala ilmu dan tunjuk ajar yang dicurahkan.

Semoga keberkatan melimpahi anda semua. Harapan dan doa saya semoga Creative Corner Kuantan akan mencapai matlamat yang dituju dalam menempuh dugaan dan cabaran dunia perniagaan hari ini.

Sekian, Wassalam...

TERIMA KASIH.

ISI KANDUNGAN

<u>BAB</u>	<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	Pengesahan Keaslian Laporan	
	Pra Kata	
	Penghargaan	
	Isi kandungan	
	Ringkasan Eksekutif	
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Latar Belakang Organisasi	1
	1.2 Profil Organisasi	6
	1.3 Carta Organisasi	7
	1.4 Aktiviti Organisasi	9
	1.5 Kemahiran yang Dipelajari	11
BAB 2	ANALISA SISTEM KERJA, MASALAH, & PENYELESAIAN	
	2.1 Sistem Pertama	
	- SISTEM PENGURUSAN STOK	14
	2.1.1 Mengenal Pasti Masalah	18
	2.1.2 Punca Utama Masalah	21
	2.1.3 Cadangan Penyelesaian	23
	2.1.4 Implikasi	25
	2.2 Sistem Kedua	
	- SISTEM PENGHANTARAN	30
	2.2.1 Mengenal Pasti Masalah	33

2.2.2	Punca Utama Masalah	36
2.2.3	Cadangan Penyelesaian	38
2.2.4	Implikasi	41
2.3	Sistem Ketiga	
- SISTEM PROMOSI		45
2.3.1	Mengenal Pasti Masalah	49
2.3.2	Punca Utama Masalah	54
2.3.3	Cadangan Penyelesaian	55
2.3.4	Implikasi	57
BAB 3	PENUTUP	60
3.1	Kesimpulan	60
	Lampiran	62
	Rujukan	65

SENARAI GRAF/GAMBARAJAH

MUKA SURAT

Gambarajah 1.1	Logo syarikat Creative	6
Gambarajah 1.2	Carta Organisasi Creative Enterprise (pengurusan di ibu pejabat)	7
Gambarajah 1.3	Carta Organisasi Creative Corner Kuantan	8
Gambarajah 2.1	Carta Alir Sistem Pengurusan Stok	14
Gambarajah 2.2	Carta Alir Sistem <i>Delivery</i> (Penghantaran)	30
Gambarajah 2.3	Carta Alir Sistem Promosi	45

RINGKASAN EKSEKUTIF

Creative Corner Kuantan merupakan sebuah kedai buku francais yang menjual novel keluaran Creative dan lukisan-lukisan hasil karya pelukis-pelukis Creative. Ibu pejabat Creative terletak di Jalan Bangsar Utama, Kuala Lumpur. CCK banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kesenian. Dalam kedai CCK ini terdapat sebuah galeri lukisan dinamakan sebagai Creative Gallery yang menempatkan lukisan-lukisan pelukis terkenal seperti Jaafar Taib (Pengarah Urusan Creative Enterprise), Faizul Arhan, Zulkifli Suleiman, dan lain-lain lagi. CCK juga banyak terlibat dengan beberapa pameran bergerak contohnya seperti Pameran Buku Antarabangsa (International Book Fest) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang diadakan setiap tahun; Pameran Buku di Kuantan, Pahang seperti Creative Roadshow 2006, dan lain-lain lagi. CREATIVE ENTERPRISE bermula sebagai sebuah syarikat penerbitan kecil pada awal 1978 dan melonjak sebagai nama yang disegani dalam industri penerbitan berikutan kemunculan majalah GILA-GILA pada 1 April, 1978. Dengan peningkatan permintaan yang berterusan, Creative Enterprise akhirnya memutuskan untuk menerbitkan GILA-GILA secara dua kali sebulan (bi-monthly). Bermula dengan novel WARISAN, pemenang sayembara anjuran Gapena dan Yayasan Sabah, Creative Enterprise yang ketika itu telah dikenali sebagai Creative Enterprise Sdn. Bhd. (CESB) terus bergiat cergas menerbitkan novel, judul demi judul yang lain. Sehingga kini telah hampir 500 judul berjaya diterbitkan dan sehingga kini juga, CESB kekal menjadi syarikat yang terunggul dalam dunia penerbitan. Selain majalah dan novel, CESB pernah dan masih bergiat cergas dalam penerbitan karya-karya berbentuk koleksi kartun, produk-produk sampingan (spin-off) yang meliputi beraneka barang, dari memo pad dan poskad sehingga pada cadar dan celana dalam. Semuanya tidak dilakukan semata-mata atas faktor-faktor komersil, tetapi lebih didorong oleh komitmen yang bersungguh-sungguh dalam usaha untuk memartabatkan industri yang diceburi, khususnya yang berteraskan seni kartun, seni lukis dan seni penulisan. Syarikat Creative masih lagi dalam usaha untuk memperluaskan pengaruh mereka untuk memasuki era Global. Pelbagai perancangan dibuat untuk memastikan misi ini terlaksana dengan baik dan seterusnya membawa nama Malaysia gah di mata dunia.